EDISI KEEMPAT

MAC 2024

4

# E-BULETIN ACIS

eISSN 2735-0991

## MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkukuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

### MENARIK EDISI KEEMPAT:

- MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS: ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ, JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND
- SEMINAR ANTARABANGSA ICIS, ISPS & IPCIS
- MEMPERKASA ENTITI KECEMERLANGAN
- MOU & MOA
- ACIS & KOMUNITI



ENTITI KECEMERLANGAN

# MUAMALAT RESEARCH TRAINING (MRT)



Kunjungan hormat ACIS yang diketuai oleh Dekan, Prof Dr Afandi Mat Rani kepada YBhg. Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai, Ketua Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) pada 30 Januari 2023 di Bilik Mesyuarat Jabatan Arah KAGAT. Kunjungan itu bertujuan untuk membentangkan Proposal Kursus Pemerkasaan Kendiri Mualaf (The Mualaf Self-Empowerment Training). Proposal ini telah dibentang oleh Ketua Muamalat Research Training Ustaz Hafiz Wahab. Turut bersama dalam sesi pembentangan ini Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik (HEA), dan ahli MRT. Manakala pihak ATM dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Pembangunan Insan KAGAT, Pengarah Operasi, Pegawai-Pegawai Kanan KAGAT.
Semoga kerjasama dalam transformasi ilmu yang akan dijalankan dapat membantu membentuk kompetensi terhadap pelaksanaan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang tentera di kalangan Saudara Muslim ATM pada masa hadapan.








اونيۏرسيتي تيكنولوݢي مارا
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Akademi Pengajian Islam Kontemporari


AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

https://acis.uitm.edu.my
korporatacis@uitm.edu.my
+603- 5544 2650
acis.uitm



eISSN 2735-0991
9 772735 099000



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.